

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-15 RUKUN TETANGGA

TEMPAT: DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 24 JAN 1990

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Dr. Sulaiman bin Hj. Daud,  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan  
Menteri Kehakiman;

Yang Berhormat Menteri-Menteri  
dan Timbalan-Timbalan Menteri;

Yang Berusaha Encik Mohd. Jawhar Hassan,  
Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara;  
Dif-dif kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana di atas limpah kurniaNya dapat kita berjumpa di majlis yang bersejarah ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara kerana menjemput saya menyertai Majlis ini dan seterusnya merasmikan Sambutan Ulangtahun ke 15 Rukun Tetangga.

2. Kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Rukun Tetangga yang akan diumumkan sebagai yang terbaik nanti, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah. Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang terlibat, dan juga kepada semua Jawatankuasa Rukun Tetangga yang telah dibentuk di seluruh negara selama 15 tahun ini, saya mengucapkan terima kasih atas segala usaha dan khidmat yang telah diberi demi mengukuh semangat perpaduan dan memelihara keadaan keselamatan. Sesungguhnya jasa dan bakti tuan-tuan dan puan-puan kepada rakyat dan negara sentiasa dikenang dan disanjung tinggi. Semoga berkat khidmat dan sumbangan sukarela yang cemerlang daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Rukun Tetangga di masa yang akan datang, perpaduan dan pembangunan negara akan terus terpelihara dan bergerak maju.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Kita berada sekarang di permulaan dekad 90an, dan tidak lama lagi akan memasuki abad ke 21. Wajarlah kita renung sejenak pencapaian kita selama ini dalam membentuk sebuah negara yang bersatupadu, dan mengenalpasti perkara-perkara yang masih perlu diusahakan di masa yang akan datang, demi mencapai perpaduan yang lebih erat.

4. Semenjak Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957 dan Malaysia dibentuk enam tahun kemudian, kita telah mencapai kemajuan yang nyata dalam membentuk sebuah negara yang kukuh dan makmur. Pada keseluruhannya hubungan antara

kaum dan keturunan berada dalam keadaan yang baik dan stabil. Rakyat majmuk negara ini telah dapat menjalankan kerjasama yang baik dalam kehidupan politik, sosial dan ekonomi, dan memajukan kepentingan dan kesejahteraan masing-masing dalam suasana muhibah, aman dan tenteram. Bibit-bibit kelahiran satu identiti Malaysia bersama juga dapat dikesan. Ianya sedang menjadi semakin teguh dengan berkembangnya penggunaan satu bahasa yang sama dan sistem pendidikan yang sama.

5. Kemajuan yang telah kita capai ini adalah hasil kerjasama dan sumbangan Kerajaan dan rakyat, yang telah berjaya menghasilkan iklim politik dan ekonomi yang menggalakkan bagi pemupukan perpaduan. Kemajuan ini tidak dapat dicapai jika rakyat sendiri tidak inginkan perpaduan, dan jika rakyat sendiri tidak menghargai dan mengamalkan nilai-nilai kesederhanaan, toleransi, tolak ansur dan keperluan menghormati hak dan sensitiviti kaum dan kumpulan yang lain. Begitu juga, kemajuan ini tidak mungkin jika Kerajaan tidak kukuh dan stabil, jika Kerajaan tidak mewakili semua kaum dan negeri, dan jika Kerajaan tidak benar-benar berusaha memelihara dan memajukan kepentingan rakyat daripada semua kaum dan segenap lapisan masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Janganlah kita memperkecilkan kemajuan yang kita telah capai selama ini, kerana jika kita berbuat demikian ini menunjukkan bahawa kita kurang bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala. Banyak negara lain yang tidak pun menghadapi masalah yang serumit di Malaysia telah kecewa dalam usaha membentuk satu negara yang bersatupadu. Jika mereka tidak terbahagi kepada kaum-kaum, mereka sengaja membahagikan diri mereka mengikut ideologi dan sebagainya. Keadaan di negara-negara tersebut sering menjadi kucar-kacir, pertumpahan darah berlaku, pembangunan ekonomi tergugat, penindasan golongan minoriti berleluasa, dan rakyat hidup dalam suasana ketakutan dan derita. Tetapi di Malaysia, pada keseluruhannya, keadaan adalah tenteram, kedudukan politik stabil, ekonomi membangun pesat, sistem demokrasi berparlimen berjalan lancar, hak-hak asasi terpelihara, kepentingan semua kaum dan golongan diambilkira, dan rakyat hidup dalam suasana aman dan harmoni.

7. Tetapi walau apa pun kemajuan yang telah dicapai selama ini, kita harus selalu memandang ke hadapan, ke dekad 90an dan berikutnya. Pembentukan bangsa atau nation building melibatkan satu proses yang lama, dan tidak boleh dicapai dalam waktu dua puluh atau tiga puluh tahun sahaja. Perpaduan yang wujud sekarang perlu ditingkatkan lagi, ke tahap yang lebih mantap dan kukuh, supaya mampu menghadapi berbagai-bagai tekanan dan cabaran tanpa mudah tergugat. Selagi tahap ini belum dicapai, perpaduan negara akan terus mendapat pertimbangan utama daripada Kerajaan di dalam pembentukan dasar-dasarnya, supaya segala pendekatan dalam bidang-bidang seperti bidang politik, ekonomi, kebudayaan, bahasa, pendidikan, agama, sukan dan keselamatan akan

membantu memantapkan perpaduan di kalangan rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Untuk membina satu negara yang bersatupadu, rakyat perlu mempunyai satu visi yang sama mengenai negara yang hendak dibentuk itu. Sekiranya rakyat mempunyai visi yang berlainan dan yang bercanggah pula, dan masing-masing pihak hanya mementing dan memperjuangkan visi masing-masing, maka penyatu-paduan matlamat akan sukar dicapai dan perpecahan akan berlaku. Bagi Malaysia, kita telah dan hendaklah terus memperjuangkan visi bersama ini berlandaskan Perlembagaan dan Rukunegara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Salah satu punca utama masalah etnik dan ketegangan antara kaum dan kumpulan ialah perbezaan taraf sosio-ekonomi mereka. Itulah sebabnya semenjak Peristiwa 13 Mei yang pahit itu, Kerajaan telah mengutamakan program-program untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum dan wilayah dan di antara miskin dan kaya. Oleh kerana matlamatnya belum tercapai sepenuhnya, Kerajaan akan meneruskan usaha ini sehingga semua keturunan rakyat berpeluang menikmati bersama kekayaan negara secara adil dan saksama. Peningkatan taraf sosio-ekonomi mereka ini akan diusahakan menerusi dua cara, iaitu pendidikan dan langkah-langkah dalam bidang ekonomi.

10. Satu aspek penting yang menyentuh perpaduan di negara ini ialah perpaduan daripada segi agama dan kepercayaan. Kita sangat bernasib baik kerana rakyat berbagai agama hidup bersama dalam keadaan aman sentosa. Walaupun agama Islam adalah agama rasmi negara ini, kebebasan diberi kepada semua agama dan kepercayaan lain. Kedudukan dan kepercayaan agama masing-masing dijamin dan dilindungi oleh Perlembagaan dan undang-undang. Di negara ini, kita telah lama menghormati dan mengamalkan toleransi antara berbagai-bagai agama. Walaupun agama Islam adalah agama rasmi, ia tidak dipaksakan ke atas masyarakat bukan Islam. Sebaliknya, agama-agama lain dan rumah-rumah ibadat mereka dibenarkan wujud dan berkembang. Kita patut berbangga dan bersyukur dengan keadaan ini. Sebenarnya kebebasan beragama di Malaysia adalah lebih baik daripada negara-negara maju yang kononnya mengamalkan kebebasan beragama. Perselisihan dan masalah yang timbul dari semasa ke semasa hendaklah diselesaikan sebaik-baiknya dengan menggunakan jentera dan saluran yang telah disediakan dan tidak digembar-gemburkan sehingga menjadi isu besar dan menggugat suasana keharmonian dan ketenteraman awam.

11. Pembentukan bangsa dalam konteks negara kita juga melibatkan aspek integrasi wilayah. Integrasi di antara negeri-negeri di Semenanjung tidak lagi menjadi masalah besar sebab rakyat negeri-negeri ini telah lama berkenalan dan bercampur gaul. Integrasi yang perlu kita usahakan dengan lebih gigih lagi ialah integrasi di antara Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri di Semenanjung. Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk

memajukan integrasi ini. Namun proses integrasi tidak boleh disempurnakan dalam waktu yang singkat. Ianya memerlukan masa dan Kerajaan akan terus berusaha sehingga kita berjaya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Pengalaman kita dan juga pengalaman negara-negara lain telah membuktikan betapa padahnya jika isu-isu perkauman, keagamaan dan sebagainya tidak diawasi dan dibendung sebaik-baiknya. Dalam hal ini pendekatan Kerajaan ialah, lebih baik kita mencegah daripada membiarkan sesuatu perkara buruk itu berlaku dan mengorbankan nyawa dan harta benda. Peristiwa 13 Mei adalah satu pengajaran kepada kita semua. Pencegahan adalah jauh lebih baik daripada pemulihan, dan ini telah dibuktikan pada bulan Oktober 1987 apabila kita telah berjaya mententeram dan menyelamatkan keadaan dengan mengambil tindakan tegas di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

13. Oleh itu sehingga rakyat dapat membendungkan diri sendiri, Kerajaan akan mengekalkan Akta ini dan juga undang-undang lain yang berkenaan dan bertindak apabila keadaan memerlukan. Undang-undang ini akan terus dipakai selagi isu-isu perkauman, keagamaan dan sebagainya mempunyai potensi untuk menjadi ancaman terhadap keselamatan rakyat dan negara.

14. Saya yakin dalam dekad 90an dan tahun-tahun berikutnya kita dapat terus memantapkan proses pembentukan bangsa dalam segala bidang. Sudah pasti kita akan terus menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam usaha ini, tetapi kalau kita mempunyai komitmen yang kuat, matlamat dan visi yang sama, berpegang teguh kepada Perlembagaan dan Rukunegara, dan mengamalkan nilai-nilai yang baik, saya yakin negara Malaysia yang lebih mantap dan utuh akan wujud dan ia akan menjadi satu kenyataan tidak lama lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara kerana menjemput saya ke majlis ini. Saya berharap Rukun Tetangga akan terus menempa kemajuan demi memupuk perpaduan rakyat pada masa depan.

16. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-15 Rukun Tetangga.